

KUALA LANGAT. SEPANG

HEBURNI SUNDI KUALA LANGAT / SEPANG; NURUL FIRDAUS KHAIRI - 018-6680920 / 019-6680275

Sasar 62 lagi pasukan MyBomba

BANTING- Pejabat Bomba Negeri Selangor mensasarkan sekurang-kurangnya 62 pasukan My Bomba didaftarkan pada tahun ini.

Ketua Cawangan Program Kesedaran Keselamatan Awam Ibu Pejabat Bomba Negeri Selangor, Ahmad Syauqi Abdullah berkata, buat masa ini sebanyak 40 pasukan MyBomba Jawatankuasa Persatuan Penduduk (JPP) ditubuhkan di Selangor termasuk yang pertama di daerah Kuala Langat.

Menurutnya, daripada jumlah yang berdaftar tiada pasukan yang terlibat dalam bantuan kes kebakaran namun mereka diberi pendedahan membantu dari segi 'outreach' kempen kesedaran bersama penduduk setempat di kawasan JPP.

"Antara pendedahan yang dilakukan termasuklah penggunaan alat pemadam api dan juga pemasangan alat pengesan asap di rumah.

"Aktiviti itu sebenarnya membantu sukarelawan dalam memastikan mereka menyalurkan maklumat kepada semua penduduk di kawasan itu," katanya kepada pemberita pada Pelancaran Sukarelawan MyBomba JPP Zon 10 di Balai Raya Jelawat, Taman Sri Putra.

Hadir sama, Pengerusi JPP Zon 10, Rozana Kamarulzaman dan Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli.

Rozana berkata, keselamatan melibatkan kebakaran bukan soal main-main.



Ahmad Syauqi (sembilan, kanan) bersama Sulaiman (lapan, kanan) dan Rozana dalam Pelancaran Sukarelawan My Bomba peringkat JPP Zon 10 di Taman Sri Putra.

Ekonomi kampung tradisi diperkasa

KUALA LANGAT- Menerusi agenda pembangunan kampung tradisi pada tahun ini, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat mengumumkan peruntukan berjumlah RM3.68 juta untuk pasukan keselamatan kampung yang telah dijenamakan semula dengan nama Ikatan Desa.

Pegawai Tanah dan Daerah Kuala Langat, Mohd Jusni Hashim berkata, peruntukan yang disalurkan oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi itu bukan sahaja barang-barang keperluan seperti walkie talkie, kon, cotar dibekalkan malah latihan asas keselamatan dan bantuan kecemasan turut diberikan kepada anggota Ikatan Desa yang dilantik.

Menurutnya, pemerkasaan kampung tradisi tidak hanya bersandarkan pengurusan dan pemantapan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, malah turut dituankan kepada pemerkasaan usahawan-usahawan kecil dan sederhana.

"Bagi daerah Kuala Langat, sektor Industri Asas



Mohd Jusni (kiri) bersama Ahmad Yunus menyampaikan replika kek untuk pasukan keselamatan kampung yang dijenama.

Tani-latu pembuatan kerepek merupakan sektor yang cukup terkenal dan mendatangkan pendapatan yang cukup lumayan.

"Pemeriksaan usahawan kecil dilihat lebih diberi tumpuan kerana berminat serampang dua mata bukan sahaja untuk meningkatkan daya ekonomi keluarga malah berminat untuk membasmi kemiskinan," katanya mengulas mengenai peranan Exco Kemajuan Negeri Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi yang tidak memperkecilkan aspek keselamatan kampung dengan menyalurkan peruntukan berkenaan.

Mohd Jusni berkata, pada tahun 2017 sahaja, sebanyak

93 usahawan kecil dan sederhana di Daerah Kuala Langat telah di berikan bantuan dalam pelbagai bentuk mesin dan peralatan perniagaan berjumlah RM432,900.00 melalui Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan dan Dana Usahawan Mikro.

Menurutnya, ia sebagai usaha membantu menggalakan ekonomi penduduk di samping memberi peluang kepada usahawan menjana pendapatan.

"Saya berpendapat mungkin masyarakat di daerah ini yang berada di kawasan pinggir bandar tidak merasa hebatnya tempas pembangunan sama seperti di metropolitan," katanya.

Tingkat imej kampung

Tukar tapak buang sampah kepada pusat rekreasi

NURUL FIRDAUS KHAIRI

SIJANGKANG

Inisiatif Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sijangkang bersama sukarelawan pencinta paya bakau Sungai Batu 8, Sijangkang dan penduduk sekitar memajukan kawasan tapak pembuangan sampah haram kepada Taman Rekreasi Paya Bakau, Sijangkang sekali lagi mendapat perhatian panel

diri untuk Anugerah Sungai Angkat Negeri Selangor.

Selain Kampung Sijangkang, Pantai Morib turut dipilih bagi mewakili daerah dalam kategori Pantai Angkat Negeri Selangor sekaligus meningkatkan imej daerah Kuala Langat sebagai sebuah pusat pelancongan yang terkenal.

Ketua Kampung Sijangkang, Zainal Ulum Ahmad Kasah berkata, kawasan ajaran taman berkenaan sejauh 5.5 kilometer pada asalnya adalah tapak pembuangan sampah haram.

Menurutnya, pembangunan taman itu bermula pada 20 Ogos 2015 dan masih berjalan sehingga hari ini dengan perbelanjaan adalah hasil kutipan orang ramai termasuk syarikat tempatan, masjid, Pejabat Khidmat Masyarakat Dun Sijangkang. "Kerja-kerja membangun dan pemuliharaan di kawa-



Ahli jawatankuasa memberi penerangan mengenai Pusat Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang.

san Sungai Batu 8, Taman Rekreasi Paya Bakau mula mendapat perhatian apabila dilengkapi laluan titi paya bakau sejauh 800 meter dan dijangka akan menjangkau lebih daripada 1000 meter

tidak lama lagi.

"Sejak ianya dibuka, pelbagai pihak menjadikan kawasan ini sebagai tumpuan sehinggalah dipilih mewakili kampung dalam pelbagai kategori," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Sinar Harian* mengulas mengenai kunjungan sekumpulan juri yang hadir menilai sempena Anugerah Sungai Angkat Negeri Selangor, semalam.

info Kawasan paya bakau Sungai Batu 8 mempunyai laluan titi sejauh 800 ke 1000 meter

Beliau berkata, inisiatif pihaknya bersama sukarelawan mengawal dan menghentikan aktiviti pembuangan sampah haram itu memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati kawasan riadah yang lebih santai dan selesa di kampung sendiri.

Katanya, berbekalkan semangat penduduk, beliau yakin kemenangan berpihak kepada kampungnya apabila pihaknya telah berusaha mengurangkan aktiviti penceroiban di sekitar kawasan selain memulihara ekosistem semula jadi di kawasan sekitar terutamanya sungai.